



JABATAN PERANGKAAAN
MALAYSIA

DOSM/BK/Pulau Pinang/8.2020/Siri15

BULETIN KHAS NEGERI



"Sebanyak 46.6 % dari 168,182 individu yang bekerja sendiri hilang pekerjaan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)."

Dato' Sri Dr Mohd Uzir Mahidin,
Ketua Perangkawan Malaysia

"Kerajaan Pulau Pinang meluluskan Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang 2.0 bernilai RM76 juta dalam usaha memperkukuhkan ekonomi negeri susulan wabak pandemik Covid-19 yang masih belum berakhir."

– **YAB Ketua Menteri Pulau Pinang, 22 April 2020**


Pulau Pinang merupakan penyumbang kelima (5) terbesar kepada ekonomi nasional pada tahun 2018 dengan merekodkan nilai ditambah **RM91.2 bilion** (2017: RM86.7 bilion). **Sektor Perkhidmatan** dan **Pembuatan** merupakan dua (2) sektor yang mendominasi struktur ekonomi Pulau Pinang. Kedua-dua sektor ini masing-masing menjana **RM46.1 bilion (50.6 peratus)** dan **RM39.5 bilion (43.3 peratus)** kepada nilai KDNK Pulau Pinang.



Nilai Ditambah dan Peratus Sumbangan Mengikut Sektor Pulau Pinang, 2018

Sumber gambar: <https://www.thrillophilia.com/>

Penduduk : 1.8 Juta
Kepadatan Penduduk : 1,685/km²



Kadar Kesuburan : 1.4
Kadar Kelahiran Kasar : 12.3
Kadar Kematian Kasar : 6.2

Bil. Hospital : 27 buah
Bil. Klinik Kerajaan : 120 buah

Bil. Katil Hospital
2016 - 4,317 katil
2017 - 4,256 katil



Bil. Doktor
2016 - 3,106 orang
2017 - 3,791 orang

Bil. Jururawat
2016 - 8,520 orang
2017 - 8,662 orang

Sumber: MyLocal Stats Pulau Pinang, 2018




Sepuluh Negara Teratas yang Melabur Dalam Projek Pembuatan di Pulau Pinang, 2016-2018

MIDA melaporkan nilai **pelaburan asing projek pembuatan** yang telah diluluskan di Pulau Pinang dalam tempoh 2016-2018 adalah **RM15.3 bilion**. **Switzerland, Jepun, Jerman** dan **China** merupakan empat (4) negara yang mendominasi pelaburan asing projek pembuatan di Pulau Pinang. Keempat-empat negara ini menyumbang **49.7 peratus** kepada keseluruhan nilai pelaburan asing bagi projek pembuatan di Pulau Pinang.

Sumber: Laporan Sosisoekonomi Negeri Pulau Pinang 2018

Jumlah **perdagangan** melalui pintu keluar dan masuk **Pulau Pinang** bagi bulan Mac 2020 bernilai **RM39.5 bilion** (Mac 2019: RM39.2 bilion). Nilai ini menyumbang **26.7 peratus** kepada keseluruhan nilai jumlah perdagangan Malaysia pada bulan Mac 2020.

Ekspor, Import dan Jumlah Perdagangan Berdasarkan Pintu Keluar dan Masuk, Pulau Pinang



Ekspor, Import dan Jumlah Perdagangan Berdasarkan Pintu Keluar dan Masuk, Pulau Pinang, 2019

	RM Juta		
	Ekspor	Import	Jumlah Perdagangan
BAYAN LEPAS	229,037	130,003	359,040
BUTTERWORTH	57,043	47,297	104,340
LAIN-LAIN	3,442	6,845	10,286
PULAU PINANG	289,522	184,144	473,666

Pada tahun 2019, Pulau Pinang mencatatkan jumlah eksport (melalui pintu keluar dan masuk) bernilai **RM289.5 bilion** dan jumlah import bernilai **RM184.1 bilion**. **Bayan Lepas** merupakan pintu keluar dan masuk utama bagi aktiviti import dan eksport di Pulau Pinang pada tahun 2019.

Sumber: Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Bulanan (Mac 2020)

1



#MyStatsDay



#MyCensus2020



#LeaveNoOneBehind





JABATAN PERANGKAAAN
M A L A Y S I A

"Terdapat juga peruntukan khas kepada usaha menangani masalah keganasan rumah tangga, bantuan kepada sektor pelancongan, menghargai barisan hadapan agensi kerajaan persekutuan dan negeri, pengecualian kadar sewaan serta perumahan" – **myMetro**, 6 Mei 2020

Bilangan Pelawat Domestik Mengikut Jenis Pelawat ke Negeri Pulau Pinang, 2017 Dan 2018

	2017	2018
Jumlah ('000) Total	12,642.6	14,450.5
Pelawat harian Excursionist	9,525.3	10,447.6
Pelancong Tourist	3,117.3	4,002.9

Sumber: MyLocal Stats Pulau Pinang, 2018

Tahun 2018 menunjukkan Pulau Pinang menerima 14.5 juta pelawat domestik. Daripada bilangan tersebut, 10.4 juta (72.3 peratus) merupakan pelawat harian dan 4.0 juta (27.7 peratus) adalah pelancong.

Bilangan Penumpang Yang Dikendalikan Mengikut Lapangan Terbang Di Pulau Pinang, 2016-2018

Kategori	2016	2017	2018
Domestik	3,837,898	4,071,277	4,179,531
Antarabangsa	2,823,327	3,116,961	3,592,017
Jumlah	6,661,225	7,188,238	7,771,548

Sumber: MyLocal Stats Pulau Pinang, 2018

Kementerian Pengangkutan Malaysia melaporkan bahawa pada tahun 2018, bilangan penumpang yang dikendalikan lapangan terbang di Pulau Pinang telah meningkat kepada 7.7 juta berbanding 7.1 juta pada tahun 2017.


BULETIN KHAS NEGERI



Statistik Utama Tenaga Buruh, Pulau Pinang, 2018-2019


Tahun	Tenaga buruh ('000)	Penduduk bekerja ('000)	Penganggur ('000)	Kadar penyertaan tenaga buruh (%)	Kadar pengangguran (%)
2018	849.4	830.8	18.6	67.7	2.2
2019	852.3	835.6	16.7	67.3	2.0

Pada tahun 2019, **penduduk bekerja** di Pulau Pinang adalah **835.6 ribu orang** dengan **kadar penyertaan tenaga buruh 67.3 peratus** (Malaysia: 68.7 peratus). **Kadar pengangguran** pada tahun 2019 menurun kepada **2.0 peratus** (Malaysia: 3.3 peratus) berbanding 2.2 peratus dicatatkan tahun 2018.



Penduduk Bekerja Mengikut Industri 2019, Pulau Pinang

Pada tahun 2019, Industri **pembuatan** mencatatkan bilangan penduduk bekerja paling ramai di Pulau Pinang iaitu **309.9 ribu pekerja (37.1 peratus)** diikuti dengan industri **perdagangan borong dan runcit; pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal, 126.9 ribu pekerja (15.2 peratus)**. Industri **penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman** dan **pembinaan** masing-masing mencatatkan **79.7 ribu pekerja (9.5 peratus)** dan **52.3 ribu pekerja (6.3 peratus)** pada tahun yang sama. Keempat-empat industri ini merupakan aktiviti utama yang menjadi tumpuan **68.1 peratus** pekerja di Pulau Pinang.



Unjuran Penduduk Negeri Pulau Pinang, 2020 Mengikut Kumpulan Umur

Komposisi umur penduduk di Pulau Pinang boleh dikategorikan kepada tiga kumpulan utama iaitu kumpulan umur muda (0-14 tahun), kumpulan umur bekerja (15-64 tahun) dan umur tua (65 tahun dan lebih).

Unjuran tahun 2020 menunjukkan penduduk di Pulau Pinang dimonopoli oleh kumpulan umur bekerja iaitu 70.4 peratus daripada keseluruhan penduduk diikuti kumpulan umur muda 19.4 peratus dan kumpulan umur tua 10.2 peratus.



@STATSMalaysia



#MyStatsDay



#MyCensus2020



#LeaveNoOneBehind





JABATAN PERANGKAAN
M A L A Y S I A

Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan Penengah, Purata dan Kadar Pertumbuhan Tahunan Dikompaun, Malaysia dan Pulau Pinang, 2014 & 2016

	MALAYSIA		P.PINANG	
	2014	2016	2014	2016
Penengah (RM) <i>Median</i>	4,585	5,228	4,702	5,409
Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun <i>Compounded annual growth rate</i>	"	6.6	"	7.0
Purata (RM) <i>Mean</i>	6,141	6,958	5,993	6,771
Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun <i>Compounded annual growth rate</i>	"	6.2	"	6.1

Sumber: HIS,2016

Pekali Gini dan Insiden Kemiskinan, Malaysia dan Pulau Pinang, 2014 & 2016

	MALAYSIA		P.PINANG	
	2014	2016	2014	2016
Pekali Gini <i>Gini Coefficient</i>	0.401	0.399	0.364	0.356
Insiden Kemiskinan <i>Incidence of poverty</i>	0.6	0.4	0.3	0.1

Sumber: HIS,2016

Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan Penengah dan Purata Bagi Kumpulan Pendapatan Mengikut Pendapatan, Malaysia dan Pulau Pinang, 2016

	MALAYSIA		P.PINANG	
	2014	2016	2014	2016
Penengah (RM) <i>Median</i>				
Terendah 40% -B40		3,000		3,286
Pertengahan 40% -M40		6,275		6,382
Tertinggi 20% -T20		13,148		12,268
Purata (RM) <i>Mean</i>				
Terendah 40% -B40		2,848		3,157
Pertengahan 40% -M40		6,502		6,523
Tertinggi 20% -T20		16,088		14,497

Sumber: HIS,2016

Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah Bulanan Penengah, Purata dan Kadar Pertumbuhan Tahunan Dikompaun, Malaysia dan Pulau Pinang, 2014 & 2016

	MALAYSIA		P.PINANG	
	2014	2016	2014	2016
Penengah (RM) <i>Median</i>	2,946	3,314	3,088	3,399
Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun <i>Compounded annual growth rate</i>	"	5.9	"	4.8
Purata (RM) <i>Mean</i>	3,578	4,033	3,505	4,190
Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun <i>Compounded annual growth rate</i>	"	6.0	"	8.9

Sumber: HIS,2016

Indeks Harga Pengguna (2010=100), Kumpulan Utama, Pulau Pinang, 2019 & 2020

KUMPULAN UTAMA	2019		2020
	Mac	Feb	Mac
Jumlah	123.0	124.3	123.1
Makanan dan Minuman Bukan Alkohol	137.5	139.3	139.2
Minuman Alkohol dan Tembakau	165.5	163.4	164.3
Pakaian dan Kasut	94.2	92.5	91.8
Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain	122.2	124.1	124.1
Hiasan, Perkakasan dan Penyelenggaraan Isi Rumah	115.5	115.9	115.9
Kesihatan	128.3	129.3	129.4
Pengangkutan	113.4	113.2	101.8
Komunikasi	95.1	95.9	95.9
Perkhidmatan Rekreasi dan Kebudayaan	110.4	111.4	111.3
Pendidikan	118.7	119.2	119.2
Restoran dan Hotel	132.3	134.0	134.0
Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan	119.0	121.9	122.7

Sumber: IHP, Mac 2020

Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi Pulau Pinang meningkat 0.1 peratus pada Mac 2020 kepada 123.1 berbanding 123.0 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Bagi perbandingan bulanan, IHP Mac 2020 bagi Pulau Pinang menurun 1.0 peratus kepada 123.1 berbanding Februari 2020.

"Mungkin ada peniaga yang tidak bertanggung jawab dan mengambil kesempatan menaikkan harga. Oleh itu, KPDNHEP akan melaksanakan Skim Harga Maksimum," - Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, 12 April 2020



@STATSMalaysia



#MyStatsDay



#MyCensus2020




#LeaveNoOneBehind






Statistik COVID-19 Negeri Pulau Pinang


Bilangan Kes Baharu Harian COVID-19, Pulau Pinang




Bilangan Kumulatif Kes COVID-19, Pulau Pinang



Bilangan Kes COVID-19 Mengikut Negeri




Peratusan Kes Pulih, Aktif dan Kematian Mengikut Negeri



Bilangan Kes COVID-19 Mengikut Daerah, Pulau Pinang



Peratusan Kes Pulau Pinang Terhadap Malaysia



Nota : Dikemaskini sehingga 21 Mei 2020
Sumber : Kementerian Kesihatan Malaysia





JABATAN PERANGKAAAN
M A L A Y S I A



Impak Covid-19 di Pulau Pinang

Perkhidmatan Hospital Swasta

Masih beroperasi seperti biasa, dengan mengetatkan peraturan memasuki hospital, antaranya hanya pintu utama digunakan untuk keluar masuk, pemeriksaan suhu badan, mewajibkan pemakaian *mask*, penggunaan *hand sanitizer* dan tempat duduk menunggu dipalang bagi tujuan penjarakan sosial semasa menunggu giliran. Manakala **hasil menunjukkan pengurangan 70%**



kerana perkhidmatan hospital dihadkan kepada kes kecemasan dan pelanggan yang telah membuat temujanji sahaja.

Perkhidmatan Perhotelan

Beberapa hotel telah mengumumkan akan menutup operasi mereka. Ini telah disahkan oleh Pengerusi *Malaysian Association of Hotels Penang Chapter*.



Pengusaha hotel lain merasa terkesan ekoran wabak COVID-19 dan telah mengalami kerugian besar. Kebanyakan pengurusan hotel di sini telah banyak melabur dalam operasi mereka dengan harapan perniagaan yang baik sempena Kempen Melawat Malaysia 2020 yang telah dibatalkan. **Perkhidmatan ini terjejas teruk dengan pengurangan jualan bilik melebihi 90% disebabkan pembatalan tempahan bilik berikutan pelaksanaan sekatan menyeluruh terhadap kemasukan pelancong** ke negara ini. Bagi pelancong yang sudah berada di Pulau Pinang, mereka terpaksa memendekkan percutian susulan pandemik covid 19 yang meningkat sejak awal Mac 2020. Situasi ini juga melibatkan pelancong domestik yang terpaksa membatalkan hasrat bercuti di Pulau Pinang.

Perkhidmatan Bas dan Teksi

Perkhidmatan bas dan teksi masih berjalan seperti biasa. Impak paling ketara kepada pemandu teksi di Bayan Lepas yang bergantung kepada penumpang yang turun dari lapangan terbang. Penurunan permintaan teksi ini telah menyebabkan pemandu teksi hilang punca pendapatan. Pengguna juga dilihat lebih gemar menggunakan perkhidmatan *e-hailing*. Ini memberi kesan langsung kepada pendapatan pemandu teksi terutama di Lapangan Terbang Bayan Lepas dan hentian KTM Bukit Tengah & Bukit Mertajam.



Perkhidmatan Pengangkutan

Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengumumkan **pengurangan 70% perkhidmatan bas awam dan perkhidmatan bas CAT pula dikurangkan 50% sebagai langkah membendung penularan wabak.** Selain itu perkhidmatan feri juga turut dikurangkan frekuensinya berbanding biasa. Pengurangan perkhidmatan ini akan menyebabkan **pengurangan pendapatan 75% hingga 85%** bagi pengusaha perkhidmatan awam ini. **Perkhidmatan bas CAT diberhentikan operasinya pada 1 April 2020 di Air Itam dan Farlim.** Manakala operasi pengangkutan Bas *Best Fiz* terhad kepada satu bas sahaja untuk laluan yang telah ditetapkan (laluan A & C). Bagi operasi **Bas Best Fiz B** dan perkhidmatan bas perantara (*feeder*) **dihentikan pada 2 April 2020.**

Bas awam masih beroperasi seperti biasa. Namun tidak ramai pengguna menggunakan perkhidmatan ini. Terdapat penjarakan sosial yang dibuat pada kerusi penumpang di dalam bas. Selain itu pengguna perlu menggunakan *hand sanitizer* yang disediakan di pintu masuk bas. Sektor pengangkutan awam dilihat amat terkesan dengan anggaran **pengurangan pendapatan sehingga 75%** sepanjang tempoh PKP dilaksanakan.






JABATAN PERANGKAAAN
M A L A Y S I A

Impak Covid-19 di Pulau Pinang

Perkhidmatan Peruncitan

Pasaraya utama, kedai serbaneka dan pasar basah didapati 90% hingga 95% masih beroperasi seperti biasa di sekitar Bukit Mertajam, Jalan Anson Air Itam, Sungai Pinang dan Georgetown. Pihak Pengurusan pasar raya sekitar Bukit Mertajam didapati telah mengetatkan peraturan kemasukan pelanggan ke dalam premis. Selain daripada pemeriksaan kawalan suhu badan terdapat sistem kuota kemasukan dengan menghadkan kapasiti 50 orang sahaja berada di dalam premis pada satu masa. Peraturan ini telah menyebabkan barisan terlalu panjang untuk memasuki premis. Pelanggan yang berada di dalam premis juga perlu mengikut barisan dengan petak jarak sosial 1 meter antara individu untuk perkhidmatan timbang dan bayaran. *Hand sanitizer* juga disediakan pada pintu masuk utama dan kawasan keluar selepas

pembayaran. Bagi memastikan stok barangan seperti beras, gula, minyak masak, tisu dan roti putih, setiap keluarga dibenarkan membeli dua pek sahaja. **Hasil jualan menurun sehingga 70%** berikutan pembelian hanya tertumpu kepada barang basah dan keperluan harian bernilai rendah.




Peniaga/Gerai

Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengumumkan pakej bantuan (*one off payments*) kepada semua peniaga/gerai yang berdaftar dengan MBPP dan MBSP. Sebelum ini kerajaan negeri telah mengumumkan pengecualian bayaran sewa bagi peniaga yang berdaftar dengan Kerajaan Negeri bagi meringgankan beban peniaga sepanjang tempoh PKP.


Kedai Hardware

Tinjauan di kedai *hardware* sekitar Balik Pulau mendapati pelanggan yang hadir ke premis perniagaan memakai penutup muka. Pelanggan yang hadir dilihat berbaris mengikut petak jarak selamat yang disediakan, sementara menunggu giliran untuk masuk. Terdapat kuota bilangan pelanggan yang dibenarkan masuk pada satu masa. **Hasil jualan mengalami penurunan sehingga 80%** bagi kedai *hardware* disebabkan penutupan perniagaan pada PKP Fasa 1 dan tiada alternatif jualan dalam talian bagi kedai *hardware* konvensional.



Kedai haiwan

Kedai haiwan peliharaan beroperasi **2 kali seminggu** iaitu pada hari **Isnin dan Khamis dari jam 8.00 pagi hingga 2.00 petang**. Tinjauan di sebuah kedai haiwan peliharaan di Seberang Jaya dan Bandar Perda mendapati premis telah dibuka mengikut waktu ditetapkan dan pengunjung tidak dibenarkan masuk ke dalam premis. Hasil jualan mengalami **penurunan sehingga 70%** bagi kedai haiwan peliharaan. Walaupun masih ada jualan yang dibuat secara dalam talian namun ia masih tidak mampu menandingi jualan di premis kedai.



Stesen Minyak



Hasil pemerhatian dan maklumat daripada pengusaha stesen minyak mendapati kurangnya permintaan daripada pengguna terhadap petrol dan diesel. Pembelian stok yang dibeli dengan harga lebih tinggi daripada harga pasaran semasa dan **kurangnya permintaan daripada pengguna sepanjang tempoh PKP telah menyebabkan pengusaha mengalami kerugian.**






Impak Covid-19 di Pulau Pinang

Perkhidmatan Makanan dan Minuman

Perkhidmatan masih beroperasi seperti biasa tetapi restoran masakan panas yang didominasi pengusaha dari Thailand telah di tutup. Terdapat peningkatan dalam permintaan perkhidmatan penghantaran makanan kerana orang ramai tidak mahu mengambil risiko ke premis jualan makanan. Namun, operasi penghantaran makanan adalah dari 8 pagi hingga 8 malam sahaja. **Ini menyebabkan pengurangan jualan di antara 70% hingga 80% semasa tempoh PKP** kerana pengguna lebih berhati-hati dan lebih cenderung untuk memasak di rumah. Selain itu, masih terdapat peniaga pasar malam yang masih berdegil dan masih beroperasi sekitar Air Itam. Bazar Ramadan bagi tahun 2020 dibatalkan untuk seluruh negeri. Pengumuman ini telah menyebabkan peniaga membuat iklan juadah makanan & minuman yang disediakan secara dalam talian dan akan dibuat penghantaran terus ke pintu rumah. Pengusaha gerai makanan lain di medan selera didapati menutup operasi jualan kerana permintaan pelanggan berkurangan. Menurut pengusaha restoran yang masih beroperasi, **hasil jualan mereka berkurangan sehingga 65% sepanjang tempoh PKP ini.**



Perkhidmatan Jualan Durian



Perniagaan durian di kawasan pulau tidak lagi dibenarkan beroperasi di tepi jalan seperti biasa. MBPP telah menyediakan gerai di sembilan buah pasar basah terpilih untuk beroperasi iaitu di Farlim, Air itam, Paya Terubong,, Jalan Permai dan lain-lain. Pengusaha durian perlu mendaftar di bawah *Business Form Farm* (BFF) yang dibuka pada 22 hingga 28 April 2020. Bayaran sewa untuk sebuah gerai adalah RM7 untuk sehari atau RM200 (sebulan). MBPP juga menyarankan orang ramai agar membeli durian secara dalam talian.

Perkhidmatan Hartanah

Pembeli rumah terjejas dari segi kapasiti dan kemampuan membeli rumah. Pelan tindakan daripada Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa Negeri Pulau Pinang akan memastikan rakyat masih mampu untuk mendapat perumahan yang mampu dimiliki. **Harga hartanah dijangka menurun 10% hingga 20% dalam beberapa bulan ke depan kerana kesan COVID-19.**




Perkhidmatan Perbankan

Perkhidmatan kaunter di beberapa bank di sekitar Bandar Perda dan Bukit Mertajam **masih beroperasi seperti biasa.** Daripada tinjauan yang dilakukan, sektor perbankan mengalami **pengurangan hasil sehingga 40%** berikutan pelaksanaan PKP dengan kutipan pinjaman yang ditangguhkan. Manakala transaksi perbankan internet sedikit sebanyak membantu sektor perbankan menjana pendapatan daripada pembelian dan urusan dalam talian yang digunakan pelanggan.



Perkhidmatan Utiliti

Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) telah menggantung operasi bacaan meter air dan menutup sembilan pusat khidmat pelanggan dari 23 hingga 31 Mac 2020. Perkhidmatan lain yang juga digantung buat sementara waktu adalah pemetongan bekalan air dan koleksi bil bersemuka. Walau bagaimanapun, perkhidmatan seperti penyambungan semula bekalan air dan kerja pembaikan paip, peringkasan air mentah, rawatan air dan perkhidmatan panggilan 24 jam akan beroperasi seperti biasa. PBAPP akan mengeluarkan bil air berdasarkan anggaran penggunaan air dari bulan sebelumnya.





JABATAN PERANGKAAAN
M A L A Y S I A


Impak Covid-19 di Pulau Pinang

Sektor Pembuatan Elektronik

Sektor ini berhadapan kesukaran kerana banyak peralatan ujian dan pengeluar cip di sini menghadapi kekurangan bahan mentah yang serius.

Jualan peralatan ujian semikonduktor merosot dengan lebih 10% pada suku pertama,

berbanding tempoh yang sama tahun 2019. Pihak kilang mengambil serius aspek keselamatan pekerja melalui langkah-langkah yang ketat seperti melakukan penyaringan suhu badan, menyediakan sanitasi tangan, *face mask* dan mengamalkan jarak sosial di semua sudut termasuk bilik mesyuarat, kantin serta bahagian pengeluaran. Selain itu, perubahan waktu rehat pekerja kepada beberapa sesi untuk mengelakkan kesesakan di ruangan kantin dilaksanakan. Pekerja yang bekerja sepanjang tempoh PKP turut diberikan insentif khas.



Sektor Pertanian - Perikanan (Nelayan)

Golongan nelayan tidak termasuk dalam Pakej Bantuan Rakyat (Pulau Pinang), namun pada masa akan datang sekiranya ada bantuan seterusnya, Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan golongan yang tercicir di dalam pakej pertama sebelum ini. Seramai 30 nelayan dari Unit Nelayan Teluk Kumbar, Permatang Damar Laut, Gertak Sanggul dan Sungai Batu terpilih untuk menerima bekalan keperluan makanan asas sumbangan Kerajaan Negeri.



Sektor Pembuangan Sisa Pepejal

MBPP memaklumkan terdapat pengurangan pembuangan sisa buangan isi rumah sebanyak 21.08% dan MBSP pula memaklumkan sisa buangan PBT berkenaan **berkurangan 22.26 %** pada minggu kedua PKP.



Sektor Pembinaan

Kontraktor dan pemaju akan **mengalami kerugian ratusan juta ringgit** sekiranya PKP dilanjutkan. Penasihat *Penang Master Builders & Building Materials Dealers Association*, memaklumkan terdapat sekurang-kurangnya RM5 bilion nilai kerja pembinaan yang dijalankan di Pulau Pinang sekarang. Jika PKP dilanjutkan, maka projek ini akan ditangguhkan sekurang-kurangnya satu hingga dua bulan, bergantung kepada peringkat penyiapan yang telah dicapai. Kontraktor dan pemaju perlu membayar balik bayaran lewat kepada pemaju dan pembeli rumah. Apabila kerja

disambung semula, terdapat juga keperluan untuk melakukan kerja pemulihan, yang akan menelan belanja beberapa juta ringgit.

Walaupun operasi kuari telah berhenti, harga bahan binaan masih belum meningkat.

Harga simen dikekalkan pada RM16 bagi setiap beg 50kg, manakala pasir dan keluli adalah pada RM45 dan RM2,300 setiap tan.





JABATAN PERANGKAAAN
M A L A Y S I A

BULETIN KHAS NEGERI



#DOSMBACA #DUDUKDIRUMAH

The Star, 9 Mac 2020 (Isnin)

Chips Sector Hard Hit by Covid-19

David Tan

GEORGE TOWN: The electronic manufacturing sector in Penang is the hardest hit by the coronavirus (Covid-19), as many of the test equipment and chip producers here face a serious shortage of raw materials, an unprecedented situation that has disrupted production.



<https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/03/09/chips-sector-hard-hit-by-covid-19>

The Star, 13 Mac 2020 (Jumaat)

Slow Recovery Expected As Penang Reels From Covid-19 Blow

Arnold Loh

GEORGE TOWN: From vacant car parks and empty supermarket shelves to a subdued morning rush hour, Penang is facing the next level of the Covid-19 fallout since the state reported its first Covid-19 patient.

<https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/03/13/slow-recovery-expected-as-penang-reels-from-covid-19-blow>

Harian Metro, 3 April 2020 (Jumaat)

Pulau Pinang Batal Bazar Ramadan

Zuhainy Zulkiffli, am@hmetro.com.my

KERAJAAN negeri Pulau Pinang mengumumkan pembatalan penganjuran bazar Ramadan di negeri itu sebagai usaha mengekang penularan Covid-19.



<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/562081/pulau-pinang-batal-bazar-ramadan>

The Edge Market, 24 April 2020 (Jumaat)

Covid-19: Embrace New Norm, Penang Tourism Industry Told

BERNAMA

GEORGE TOWN (April 24): The Penang government has urged local tourism industry players to prepare for and embrace the new norm in the post-Covid-19 period.

In a statement today, State Tourism, Arts, Culture and Heritage Committee chairman Yeoh Soon Hin said as a key driver of the state's economy, the tourism industry needs solutions to safeguard the industry in order to sustain employment in Penang.

<https://www.theedgemarkets.com/article/covid19-embrace-new-norm-penang-tourism-industry-told>

New Straits Times, 10 Mac 2020 (Selasa)

In Malaysia's Silicon Valley, Fortunes Flip As Covid-19 Wrecks Trade War Gains

Reuters

PENANG: Tech firms at Malaysia's one-time Silicon Valley of the East, swimming in orders from customers fleeing trade war-hit China, have seen fortunes turn again in the space of just a year as the Covid-19 coronavirus outbreak cuts them off from Chinese suppliers.

<https://www.nst.com.my/business/2020/03/573368/malaysia-silicon-valley-fortunes-flip-covid-19-wrecks-trade-war-gains>

Malay Mail, 25 Mac 2020 (Rabu)

Covid-19: Penang Announces Rm75m in Aid for Vulnerable Groups

Opalyn Mok



GEORGE TOWN, March 25 — Penang Chief Minister Chow Kon Yeow today announced a RM75 million aid package for hawkers, traders, taxi drivers, trishaw riders, the disabled and B40 groups.

<https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/03/25/covid-19-penang-announces-rm75m-in-aid-for-vulnerable-groups/1850069>

Harian Metro, 14 April 2020 (Selasa)

Bayar Zakat Fitrah Dalam Talian Saja

Zuhainy Zulkiffli, am@hmetro.com.my

JABATAN Mufti Pulau Pinang menggalakkan umat Islam di negeri ini agar melaksanakan pembayaran zakat fitrah tahun ini secara dalam talian kerana lebih mudah.



<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/566459/bayar-zakat-fitrah-dalam-talian-saja>

New Straits Times, 1 Mei 2020 (Jumaat)

Over 2,000 Retrenched in Penang Since Start of Covid-19 Pandemic

Audrey Dermawan



GEORGE TOWN: More than 2,000 people have been laid off in Penang since the start of the Covid-19 pandemic.

<https://www.nst.com.my/news/nation/2020/05/589089/over-2000-retrenched-penang-start-covid-19-pandemic>

Penafian: Artikel dalam buletin khas ini adalah inisiatif pegawai DOSM berdasarkan pemerhatian dan pengumpulan maklumat ringkas secara ad-hoc di lapangan semasa Perintah Kawalan Pergerakan. Ianya tidak memenuhi sepenuhnya piawaian pengeluaran statistik rasmi negara. Justeru, kandungan buletin ini tidak boleh ditafsir sebagai statistik rasmi DOSM.

9



@STATSMalaysia



#MyStatsDay



#MyCensus2020



#LeaveNoOneBehind

